



BORANG PENCALONAN

ANUGERAH MALAYSIAN GOVERNMENT OPEN SOURCE SOFTWARE 2012 (MyGOSS 2012)

1. Nama Organisasi:

Jabatan Peguam Negara

2. Nama Sistem OSS Yang Dicalonkan:

e-Warta Persekutuan

3. Tarikh (bulan & tahun) sistem yang dicalonkan mula beroperasi:

26 April 2011

4. Maklumat pegawai yang membuat pencalonan:

Nama: Farah Azleen binti Abdul Rahim

Jawatan: Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44

Agensi: Jabatan Peguam Negara

Alamat: No. 45, Persiaran Perdana,
Presint 4,
62100 Putrajaya

Telefon: 03-8872 2710

Faks: 03-8890 5679

E-mel: farah.rahim@agc.gov.my

5. Pegawai yang boleh dihubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut:

Nama: Nur Safawati binti Mahshos

Jawatan: Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41

Telefon: 03-8872 2722

Faks: 03-8890 5679

E-mel: safawati@agc.gov.my



LAPORAN PENCALONAN
ANUGERAH MALAYSIAN GOVERNMENT OPEN SOURCE
SOFTWARE 2012 (MyGOSS 2012)

1. Nama Sistem

e-Warta Persekutuan <i>e-Federal Gazette</i>

2. Profil Kementerian / Jabatan / Institusi

Jabatan Peguam Negara (AGC) merupakan salah satu agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri dan berperanan untuk –

- a) Memberikan khidmat nasihat, termasuk memberi khidmat nasihat dalam bidang undang-undang antarabangsa dan syariah kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri;
- b) Menjadi sumber rujukan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengenai apa-apa masalah perundangan yang timbul;
- c) Menggubal semua perundangan untuk Kerajaan Persekutuan;
- d) Memberikan arahan pendakwaan bagi kes-kes jenayah;
- e) Mewakili Kerajaan di dalam semua kes-kes sivil; dan
- f) Menguruskan penyemakan dan pencetakan semula undang-undang dan membuat kajian pembaharuan undang-undang.

Fungsi Jabatan ini adalah sejajar dengan Visi, Misi, Objektif dan Slogan Jabatan iaitu –

Visi

“Organisasi Perundangan Awam Bertaraf Dunia”

Misi

Untuk mendukung undang-undang dan melindungi kepentingan Negara dengan memberikan nasihat dan perkhidmatan perundangan yang berkualiti tinggi dengan cekap, adil dan saksama mengikut Perlembagaan dan Undang-Undang.

Objektif

Memberi perkhidmatan dan perundangan yang berkualiti dan akan sentiasa bertindak mengikut Perlembagaan dan Undang-Undang dengan cekap, saksama dan adil.


Slogan

“Cekap, Saksama dan Adil”

Untuk melaksanakan tugas-tugas di Jabatan Peguam Negara dengan lebih berkesan, Jabatan ini terdiri daripada Pengurusan Atasan yang ditadbir oleh Peguam Negara Malaysia dan dibantu oleh Peguam Cara Negara Malaysia dan tiga (3) bidang utama perundangan yang diketuai oleh Timbalan Peguam Cara Negara iaitu Penasihat, Litigasi dan Penggubalan yang terdiri dari sembilan (9) Bahagian yang terlibat iaitu –

- a) Bahagian Pendakwaan;
- b) Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa;
- c) Bahagian Gubalan;
- d) Bahagian Penasihat;
- e) Bahagian Perbicaraan dan Rayuan;
- f) Bahagian Penyelidikan;
- g) Bahagian Guaman;
- h) Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang; dan
- i) Bahagian Pengurusan.

Carta Organisasi terkini Jabatan Peguam Negara ditunjukkan dalam Rajah 1 seperti berikut –



Rajah 1: Carta Organisasi Jabatan Peguam Negara

3. Sinopsis Projek/Sistem/Inisiatif

Projek e-Warta Persekutuan merupakan satu sistem berasaskan Portal yang menyiarkan semua perundangan persekutuan meliputi pewartaan perundangan subsidiari, iaitu P.U.(A) dan P.U.(B) secara online yang telah mula dilaksanakan bermula 26 April 2011 dan semua perundangan yang diluluskan oleh Parlimen mulai bulan Mac 2011 telah dilaksanakan pada 2 Jun 2011.

Ia dilaksanakan sebagai salah satu inisiatif ICT dalam melaksanakan salah satu fungsi Jabatan khususnya Unit e-Warta Bahagian Gubalan untuk melaksanakan tugas pewartaan perundangan subsidiari yang dibuat oleh Kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan secara elektronik.


Secara keseluruhannya, projek ini layak memenangi Anugerah MYGOSS 2012 kerana proses hebahan maklumat perundangan persekutuan dapat dilakukan secara elektronik dan lebih cepat serta portal Warta ini merupakan satu-satunya sumber rasmi perundangan subsidiari Kerajaan Persekutuan.

Disertakan skrin Portal e-Warta Persekutuan seperti di bawah.

(a) Laman Utama



(b) Carian Warta



(c) Pautan



4. Teknologi yang digunakan

Selaras dengan hasrat kerajaan dalam mengaplikasikan penggunaan perisian dan alatan sumber terbuka (*open source*) dalam membangunkan sistem-sistem aplikasi ICT di Jabatan, sistem ini juga telah dibangunkan dengan menggunakan *tool* pembangunan sistem, pangkalan data dan sistem pengendalian (*operating system*) bercirikan sumber terbuka. Ini bermakna, kos operasi pembangunan sistem ini adalah percuma secara amnya. Sistem ini dibangunkan menggunakan teknologi Hypertext Processor (PHP) versi 5.2.6 dan juga HTML. Bahasa pengaturcaraan PHP dipilih kerana ia boleh membangunkan sistem berasaskan web yang dinamik, interaktif, menarik dan yang paling penting, ia boleh dimuat turun secara percuma dan mempunyai jaringan komuniti yang luas.

Pangkalan data MySQL pula digunakan bagi menyimpan rekod (metadata) semua maklumat perundangan yang dimuat naik oleh pegawai. Kebolehan optimasi pangkalan data yang ada pada MySQL menjadikan fungsi *query* dapat dilaksanakan dengan pantas dan berkesan selain boleh mengindeks

kunci utama dalam *table* bagi meningkatkan prestasi capaian ke atas rekod. Selain itu, pelayan web Apache versi 2.2.9 digunakan supaya *server side scripting* dapat beroperasi. Bagi menyokong semua teknologi di atas, platform Linux digunakan sebagai sistem pengendalian pelayan bagi sistem ini.

5. Kelebihan / Keunikan

- a) Sistem ini dibangunkan berasaskan web dan boleh dicapai melalui Internet;
- b) Sistem dibangunkan secara dalaman oleh pegawai dan kakitangan ICT dengan menggunakan perisian sumber terbuka yang percuma yang dapat menjimatkan peruntukan kewangan kerajaan yang mana wang yang diijamatkan itu boleh digunakan untuk perolehan lain;
- c) Antara muka sistem yang mudah difahami;
- d) Perisian PHP dan pangkalan data MySQL merupakan perisian secara *open source* selaras dengan saranan MAMPU;
- e) Memudahkan penyimpanan data dan maklumat secara berpusat;
- f) Mengurangkan kos dan penggunaan kertas;
- g) Menjimatkan masa, meningkatkan kecekapan, mengurangkan penggunaan tenaga;
- h) Maklumat perundangan persekutuan dapat dicapai dengan mudah dan pantas;
- i) Pemantauan dapat dikendalikan secara sistematik akan memudahkan urusan pelaporan kepada pengurusan tertinggi;
- j) Memberi faedah Kepada orang awam dari segi capaian maklumat pewartaan perundangan yang diluluskan kerajaan dengan cepat dan pantas;
- k) Memberi faedah kepada Kerajaan di mana penggunaan perisian sumber terbuka yang percuma dapat menjimatkan peruntukan kewangan kerajaan yang mana wang yang diijamatkan itu boleh digunakan untuk perolehan peralatan ICT sama ada yang baru atau

mengganti peralatan yang lama;

- l) Sistem ini memudahkan pengesanan perubahan dan kemas kini maklumat perundangan;
- m) Memberi kemudahan kepada orang awam untuk membuat caraian, capaian dan muat turun maklumat perundangan persekutuan secara percuma.
- n) Carian maklumat perundangan berdasarkan nama Akta dan tarikh mempercepatkan proses dan capaian maklumat; dan
- o) Paparan dokumen dalam bentuk pdf mengelakkan pengubahsuaian dan pindaan tanpa kebenaran dari pihak jabatan.

6. Inovasi

Sejajar dengan pelaksanaan Portal ini, beberapa kesan positif dapat dilihat -

- a) Peningkatan prestasi organisasi
Dengan adanya portal ini, pewartaan sesuatu perkara dapat dilaksanakan dengan lebih cepat. Sejajar dengan itu, prestasi organisasi juga dapat ditingkatkan.
- b) Peningkatan Sistem Penyampaian
Setiap pewartaan yang dimasukkan ke dalam sistem akan disenaraikan di Portal secara automatik. Ini mempermudah serta meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan atau orang awam.
- c) Capaian Yang Tidak Terhad
Susulan dari capaian Portal yang boleh diakses di internet, sistem ini dapat mempercepatkan proses pewartaan. Oleh itu, ia boleh dicapai di mana-mana dan pada bila-bila masa.
- d) Memudahkan dan Mempercepatkan Proses Pelaporan
Sistem akan menyimpan maklumat lokasi bagi setiap pengguna yang mengakses kepada portal. Oleh itu secara automatik, pegawai Unit e-

Warta boleh mengetahui jumlah pelawat Portal. Selain itu, setiap kali pewartaan juga di rekodkan. Ini dapat memudahkan pegawai Unit e-Warta dalam memantau dan mengetahui statistik pewartaan.

e) Menjimatkan kos

Kewujudan portal ini memudahkan orang awam dalam mencapai Undang-Undang yang diwartakan dan ia boleh dimuatturun secara percuma.

f) Menjimatkan masa

Oleh kerana Portal ini berada di Internet dan fungsi carian juga disediakan, maka ia dapat menjimatkan masa orang awam dalam mendapatkan Undang-Undang yang diwartakan.

g) Perkongsian maklumat

Capaian Portal tidak terhad kepada pengguna di dalam Malaysia sahaja. Pembangunan Portal dalam 2 versi bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris telah membuka ruang kepada pengguna di peringkat antarabangsa untuk mendapatkan maklumat mengenai Perundangan Malaysia.

7. Kualiti / Pengiktirafan

a) Dasa Saing

Bagi maksud kajian kemungkinan tentang pelaksanaan pewartaan secara atas talian oleh Jabatan Peguam Negara, suatu kajian perbandingan telah dibuat ke atas lima Negara iaitu Kanada, Australia, United Kingdom, Singapura dan Hong Kong.

(i) Kanada

Kanada merupakan negara yang paling ke hadapan dalam konteks ini. Di Kanada, pewartaan Akta, perundangan subsidiari dan perkara lain yang dikehendaki supaya diwartakan di bawah undang-undang dibuat oleh Queen's Printer iaitu Timbalan Menteri Kerja Raya dan Perkhidmatan Kerajaan. Queen's Printer telah menurunkan kuasa

untuk menyiarkan warta kerajaan Kanada kepada *Canada Gazette Directorate* yang merupakan suatu bahagian dalam Jabatan Kerja Raya dan Perkhidmatan Kerajaan. *Canada Gazette Directorate* menyiarkan warta kerajaan Kanada dalam bentuk cetak dan elektronik secara serentak. Bagi pewartaan yang disiarkan secara elektronik, ia boleh dicapai dalam laman sesawang <http://canadagazette.gc.ca> secara percuma. Pewartaan secara elektronik dalam bentuk pdf telah diiktiraf sebagai rasmi di bawah *Canada Gazette Publication Order* berkuat kuasa mulai 27 Mac 2003.

Kanada juga menyiarkan keseluruhan perundangannya yang dikemaskinikan (*consolidated and revised*) dalam laman sesawang *Justice Laws* iaitu <http://laws-lois.justice.gc.ca>. Laman sesawang ini dikendalikan oleh *Legislative Services* yang bertanggungjawab bagi pengubalan undang-undang di Kanada dan merupakan suatu bahagian di bawah *Department of Justice*. Perundangan yang disiarkan dalam laman sesawang ini juga boleh diakses secara percuma dan diiktiraf di bawah seksyen 30 *Legislation Revision and Consolidation Act 2000*.

(ii) Australia

Di Australia, *Acts Publication Act 1905* telah dipinda bagi mewujudkan *Acts database* yang terdiri daripada Akta baru dan Akta sedia ada yang telah dikemaskinikan. *Acts database* disiarkan secara elektronik dan Akta yang dimasukkan ke dalam pangkalan data elektronik tersebut diiktiraf sebagai sah. Bagi maksud ini suatu laman sesawang <http://www.comlaw.gov.au> telah diadakan dan diselenggara oleh Jabatan Peguam Negara Australia. Pewartaan perundangan subsidiari sama ada secara cetak atau elektronik juga dikendalikan oleh Jabatan Peguam Negara Australia. Pewartaan secara elektronik dibuat melalui laman sesawang <http://www.ag.gov.au/portal/govgazonline>. Kedua-dua laman sesawang ini dipaut dengan laman sesawang Jabatan Peguam Negara Australia dan boleh diakses secara percuma.

(iii) United Kingdom

Di United Kingdom, pewartaan dan pencetakan perundangan diuruskan oleh *Her Majesty Stationary Office* (HMSO) yang merupakan sebahagian daripada *National Archive* dan dilantik sebagai pencetak kerajaan. Walau bagaimanapun kerja-kerja cetakan dijalankan oleh *The Stationary Office* (TSO) yang dahulunya merupakan sebahagian daripada HMSO tetapi telah diswastakan pada tahun 1996. Perundangan juga disiarkan secara elektronik dalam <http://www.legislation.gov.uk> yang boleh diakses secara percuma. Laman sesawang ini diselenggarakan oleh *National Archive*. Didapati bahawa tiada peruntukan undang-undang yang mengiktiraf perundangan yang disiarkan secara elektronik sebagai sah.

(iv) Singapura

Kedudukan di Singapura pada dasarnya adalah sama dengan Malaysia. Pewartaan perundangan dijalankan oleh Toppan Leefung Pte. Ltd. yang dilantik sebagai pencetak kerajaan. Syarikat ini mencetak perundangan dan juga menyiarkan perundangan secara elektronik dalam laman sesawang <http://www.egazette.com.sg>. Akses kepada perundangan yang disiarkan secara elektronik adalah percuma selama 5 hari selepas penyiarannya dan berbayar selepas tempoh tersebut. Perundangan yang dicetak daripada laman sesawang ini tidak diiktiraf sebagai sah.

(v) Hong Kong

Pihak yang bertanggungjawab bagi pewartaan dan pencetakan perundangan di Hong Kong ialah *Government Logistics Department*. Perundangan tidak disiarkan secara elektronik namun terdapat suatu laman sesawang khusus yang menjadi pangkalan data bagi keseluruhan perundangan di Hong Kong. Laman sesawang ini diselenggara oleh *Law Drafting Division, Department of Justice*. Perundangan yang disediakan dalam laman sesawang ini boleh diakses secara percuma tetapi kandungannya tidak diiktiraf sebagai

sahih. Walau bagaimanapun Hong Kong telah melantik konsultan untuk mengkaji aspek ini. Berdasarkan syor konsultan, Hong Kong bercadang untuk menggubal undang-undang bagi mengiktiraf perundangan yang disiarkan secara elektronik sebagai rasmi dan sah dan cetakan perundangan dengan cara lama akan dihentikan secara berkala dalam jangka masa 5 tahun.

Hasil Kajian Perbandingan

Diperhatikan bahawa tidak semua Negara yang dikaji mengiktiraf perundangan yang disiarkan secara elektronik sebagai rasmi dan sah. Hanya Kanada dan Australia sahaja yang berbuat demikian. Australia memulakan projek ini secara berperingkat dengan tempoh percubaan yang panjang iaitu kira-kira 7 tahun.

Oleh itu, pewartaan dibuat secara atas talian di Malaysia adalah sah sebagai undang-undang berdasarkan kepada subseksyen 18(4) yang memeruntukkan bahawa *“Where the Gazette is published in more than one form, the date of publication of the Gazette shall be deemed to be the date the Gazette is first published in any form.”*

b) Peningkatan produktiviti dan keberkesanan

(i) Peningkatan prestasi organisasi

Dengan adanya sistem ini, proses pemakluman perundangan yang telah diluluskan dapat dilakukan dengan lebih mudah dan pantas. Dalam masa yang singkat, orang awam atau pengguna boleh memperoleh maklumat pewartaan tersebut dan boleh membuat salinan secara elektronik untuk rujukan. Sejajar dengan itu, prestasi organisasi juga dapat ditingkatkan.

(ii) Capaian yang tidak terhad

Sistem ini boleh dicapai melalui Portal Rasmi AGC pada bila-bila masa dan dimana jua dengan menggunakan rangkaian Internet.

(iii) Peningkatan Sistem Penyampaian

Setiap perundangan yang telah diluluskan akan disenaraikan di Portal AGC sekaligus keupayaannya mempermudah serta meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan. Pengguna yang menggunakan sistem e-Warta dapat memberikan maklum balas berkenaan sistem kepada pihak jabatan menerusi borang yang disediakan dan maklum balas berkenaan boleh d-hantar menerusi e-mel kepada Unit e-warta untuk tindakan susulan.

c) Keberkesanan kos

Sistem ini telah dibangunkan dengan menggunakan perisian yang berasaskan sumber terbuka iaitu bahasa pengaturcaraan PHP dan pangkalan data MySQL untuk menyimpan rekod perundangan yang dimuat naik. Manakala *Apache 2.2.9* pula digunakan supaya *server side scripting* dapat beroperasi. Selain itu, sistem ini juga telah dibangunkan secara dalaman oleh Pegawai Teknologi Maklumat dan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Jabatan Peguam Negara dan tidak melibatkan sebarang kos pembangunan sistem.

d) Kepakaran kakitangan

Dalam proses pembangunan sistem ini, pegawai yang membangunkan sistem telah menimba pengalaman baru serta dapat meningkatkan pengetahuan dan kepakaran dalam membangunkan sebuah sistem yang berasaskan web dan capaian secara *online*. Pembangun sistem sedikit sebanyak telah mendapat pendedahan dalam mengendalikan pangkalan data dengan lebih sistematik. Pendedahan terhadap pembangunan sistem sebegini juga telah diperluaskan kepada pegawai dan kakitangan Seksyen Teknologi Maklumat, khususnya yang melibatkan fungsi penyimpanan metadata dokumen pdf dan penyediaan kemudahan muat turun dan muat naik dokumen.

e) Beridentitikan Malaysia

Sistem ini adalah beridentitikan Malaysia di mana ia dibangunkan sepenuhnya di Malaysia dan antara muka sistem disediakan dalam dua versi Bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

8. Potensi

Sistem e-Warta Persekutuan berpotensi untuk di perluaskan dari segi penyimpanan maklumat perundangan di seluruh Malaysia dan menjadi pusat rujukan setempat perundangan persekutuan. Pada masa hadapan ianya dapat mengatasi masalah cetakan kertas dan penjimatan kos dapat dilakukan kerana ianya boleh dapat dicapai secara elektronik. Perluasan capaian melalui semua media telekomunikasi termasuk *smartphone* dan *mobile* memudahkan hebahan perundangan persekutuan dilakukan sekali gus memberi maklumat kepada seluruh orang awam dan pengguna yang terlibat.

9. Kandungan Tempatan

Sistem e-Warta Persekutuan dibangunkan sepenuhnya oleh Pasukan 6 (ICT), Bahagian Penyelidikan dengan cetusan idea Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara. Dengan terlaksananya sistem e-Warta Persekutuan ini, pengurusan pewartaan perundangan persekutuan menjadi lebih tersusun dan mudah dicapai oleh pegawai dan pengurusan tertinggi. Di samping itu, ianya dapat meningkatkan produktiviti dan prestasi penjawat awam dalam melaksanakan kerja-kerja rasmi dan tugas yang diberikan.

Secara tidak langsung, sistem yang dibangunkan sendiri oleh penjawat awam ini, dapat menaikkan imej perkhidmatan awam amnya dan imej jabatan khususnya. Ini juga dapat melahirkan penjawat awam yang proaktif dan efisien dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan. Pemikiran yang inovatif dan kreatif ini dapat dibentuk dan digilap di kalangan penjawat awam bagi menghasilkan produk dan sistem yang berkualiti tinggi setanding keluaran antarabangsa. Di samping itu, projek ini juga telah dapat membantu dalam penyelarasan prosedur dan penyimpanan maklumat secara elektronik. Pada masa hadapan, sistem ini akan dipertingkatkan lagi bagi memenuhi hasrat jabatan dan perkhidmatan awam di era globalisasi. Secara keseluruhan, projek yang baik haruslah mempunyai prospek yang tinggi dan mudah digunakan supaya dapat diterima baik oleh orang awam, agensi kerajaan serta pegawai AGC.

